

04 APR 2004

Mahathir-BN

DR MAHATHIR: KEMENANGAN BN KERANA KEPIMPINAN ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kepimpinan Perdana Menteri yang baru Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi dan kewujudan sayap baru Umno iaitu Puteri, adalah

antara faktor utama yang membawa kemenangan besar kepada Barisan Nasional

(BN) pada pilihan raya umum ke-11 baru-baru ini.

Faktor-faktor ini di gariskan oleh Dr Mahathir dalam ucaptamanya di

Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke-10 Umno Bahagian Cheras di sini malam

ini.

Dr Mahathir berkata: "Kali ini BN menang dengan lebih daripada 90

peratus, satu kemenangan yang luar biasa. Saya membuat analisis dan mendapati banyak faktor yang menyumbang kepada kemenangan ini."

"Sebab utama ialah pimpinan baru Abdullah dan sayap baru Puteri,"

katanya.

Selain itu, parti pembangkang PAS juga tidak mempunyai isu untuk dipermainkan pada pilihan raya umum kali ini, katanya.

Dr Mahathir berkata pada pilihan raya umum lepas, PAS telah memainkan

"rekod lama" seperti mengkafir orang lain hingga menyebabkan hilang sokongan orang ramai kepada parti itu.

Faktor yang kelima, kata Dr Mahathir dengan berjenaka "mungkin kerana

saya tiada lagi (sebagai Perdana Menteri)" yang disambut dengan gelak

ketawa para hadirin.

Beliau juga turut menyentuh mengenai Umno, yang masih wujud dan kukuh

sehingga hari ini kerana parti itu mengamalkan politik yang tidak tamak dan

sanggup berkongsi kuasa dengan parti-parti lain.

Falsafah ini telah berjaya membawa banyak kebaikan kepada negara dari

aspek keselamatan dan pembangunan, katanya.

Dr Mahathir berkata ini bukan mudah bagi sebuah negara yang berbilang

masyarakat kerana huru-hara mungkin tercetus berdasarkan rakyatnya yang

pelbagai, tetapi di Malaysia ini tidak berlaku kecuali pada tahun 1969.

-- BERNAMA

VP HK MOZ